

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 21 DISEMBER 2006, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 33

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1133-L1673
Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan golongan miskin tegar di bandar dan luar bandar mengikut negeri-negeri dan berapakah peratusan yang berkurangan secara perbandingan dari tahun 2001 hingga 2005.
2. PN-1133-L1554
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah untuk meningkatkan balik minat melabur di dalam ASB dan apakah Kerajaan tidak mempunyai sebarang perancangan untuk menaikkan dividen ASB agar dapat menolong kaum bumiputera yang banyak membuat pelaburan di dalam ASB, dengan peningkatan dividen juga dilihat dapat mengurangkan kaum bumiputera dari melabur di dalam saham-saham yang tidak dapat mendapat pengiktirafan Kerajaan.
3. PN-1133-L1663
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan selain daripada penempatan sistem amaran tsunami, apakah mekanisme pengurusan bencana alam, mereka yang terlibat dan teknologi moden yang kita peroleh.
4. PN-1133-L1833
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan keselamatan awam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur supaya penghuni dan pelawat dalam dan luar negeri yang datang ke ibu kota merasa lebih selamat.

5. PN-1133-L1938
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan apakah perang 'rating' satu pendekatan terbaik untuk mempertingkatkan kualiti sekali gus kredibiliti industri penyiaran. Kenapakah RTM turut terlibat dengan perang rating ini. Tidakkah ini akan menjejaskan fungsi RTM sebagai ejen pemantapan budaya dan pembentukan masyarakat bermaklumat.
6. PN-1133-L1459
Tuan Ahmad bin Hussin minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah kegagalan gencatan senjata di Lubnan dan Palestin yang kini kembali bergolak menandakan berakhirnya penipuan yang didalangi Israel dan Amerika Syarikat yang dipersetujui oleh PBB, apakah langkah seterusnya untuk menangani isu ini.
7. PN-1133-L1924
Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kos perubatan yang meningkat sudah tentu satu hari nanti tidak dapat ditanggung oleh Kerajaan dan pesakit. Apakah rancangan dan cadangan Kerajaan untuk mengatasi perkara ini khususnya rawatan yang saksama dapat diberi kepada rakyat Malaysia termasuk yang tidak mampu.
8. PN-1133-L1803
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kriteria-kriteria yang diambil oleh Unit Perancangan Ekonomi (EPU) di dalam membuat kajian semula projek pembinaan landasan kereta api berkembar yang dianggarkan menelan belanja RM 14.4 bilion yang telah ditangguhkan tiga tahun lalu.
9. PN-1133-L1905
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah langkah-langkah yang boleh dilaksanakan untuk mengelakkan kesesakan yang keterlaluan di lebuhraya khususnya pada masa perayaan supaya kesesakan pada perayaan Deepavali dan Hari Raya lepas tidak akan berulang menjelang perayaan Tahun Baru Cina.
10. PN-1133-L1688
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah sebabnya indeks jenayah seksual seperti ragut, rogol dan bunuh semakin meningkat dan apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengurangkan jenayah-jenayah ini.
11. PN-1133-L1604
Ir. Hiang A Li minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah hasrat Kerajaan untuk mempertingkatkan lagi cara penyelesaian masalah kekurangan kakitangan terutamanya Pegawai Perubatan, Doktor Pakar dan Juruteknik di hospital besar yang baru dan moden tetapi menghadapi masalah kekurangan kakitangan. Masalah ini telah menyebabkan kerumitan besar kepada orang awam termasuk kehilangan nyawa.

12. PN-1133-L1621
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan untuk mengkaji semula harga minyak di pasaran Malaysia memandangkan harga minyak mentah di pasaran global telah jatuh daripada USD 80 setong kepada USD 60 setong. Adakah dengan mengkaji semula harga minyak di pasaran Malaysia ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan beban rakyat.
13. PN-1133-L1709
Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sama ada suatu jawatankuasa penyelaras dan pemantau akan diwujudkan untuk memastikan Jabatan Mineral dan Geosains, Institut Kerja Raya Malaysia dan Jabatan Alam Sekitar melaksanakan tugas mereka dengan penuh berintegriti, amanah dan bertanggungjawab agar Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (Environmental Impact Assessment) bagi semua projek pembangunan di kawasan kurang daripada 50 hektar benar-benar menepati kriteria yang ditetapkan.
14. PN-1133-L1769
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
 - (a) apakah guru-guru di negara ini dilindungi oleh peruntukan undang-undang sekiranya guru-guru di saman oleh ibu bapa disebabkan penguatkuasaan disiplin oleh guru terhadap pelajar-pelajar di sekolah; dan
 - (b) adakah guru-guru di negara ini dilindungi oleh peruntukan undang-undang ketika membawa pelajar menyertai aktiviti luar sekolah dan setakat ini berapakah jumlah kes guru yang telah di saman oleh ibu bapa di peringkat sekolah rendah dan menengah.
15. PN-1133-L1488
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dan memperjelaskan apakah objektif Silver Book; dan adakah cadangan untuk memperkenalkan satu buku seumpamanya yang boleh disasarkan khusus kepada kakitangan Kerajaan.
16. PN-1133-L1369
Tuan Ismail bin Kasim minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah strategi Kerajaan untuk menangani masalah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang masih berleluasa dan mengancam keselamatan dalam negeri dari aspek jenayah bersenjata yang melibatkan pendatang asing ini.

17. PN-1133-L1974
Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah pihak Kementerian mempunyai cadangan untuk mewujudkan satu agensi induk yang dapat mengawal dan memastikan melalui pemeriksaan kesihatan terhadap rakyat asing yang ingin memasuki negara ini sama ada untuk bekerja atau melancong benar-benar bebas daripada sebarang penyakit.
18. PN-1133-L1879
Puan Mumtaz binti Md. Nawī minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah usaha Kerajaan Pusat bagi memastikan Kerajaan-kerajaan Negeri mengambil tindakan di atas pandangan dan teguran Ketua Audit Negara.
19. PN-1133-L1458
Tuan Chiw Tiang Chai minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan bila bandar Taiping akan di isytihar sebagai 'bandar warisan' dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk memelihara dan memulihara warisan bangsa di bandar tersebut supaya ia tidak pupus akibat peredaran zaman dan proses modenisasi serta industrialisasi.
20. PN-1133-L1757
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan setelah mengadakan pelan pemulihan semula dan penstrukturan MAS, memansuhkan beberapa laluan antarabangsa dan menjual Bangunan MAS, berapakah jumlah pengurangan kerugian MAS dan keuntungan untuk tahun ini. Apakah tindakan MAS ini menjejaskan keuntungan AirAsia.
21. PN-1133-L1748
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah Kerajaan tidak bercadang untuk meningkatkan kualiti pelekat cukai-cukai jalan di kenderaan yang sejak akhir-akhir ini didapati tidak bermutu dan mudah mengalami kerosakan (koyak) sebelum cukup tempoh tamatnya.
22. PN-1133-L1537
Dato' Haji Idris bin Haji Buang minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah Kementerian mempunyai data base yang lengkap serta sistem pemantauan dan penguatkuasaan yang berjaya di dalam menangani isu pembuangan toksik, sampah pepejal, pembakaran terbuka dan pencemaran-pencemaran alam sekitar yang lain. Berapa banyakkah kes yang telah disiasat, didakwa dan disabit kesalahan.
23. PN-1133-L1516
Tuan Lee Chee Keong minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan setakat ini, berapakah jumlah pinjaman telah diluluskan oleh SME Bank kepada peminjam-peminjam mengikut kaum.

24. PN-1133-L1644
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengetatkan undang-undang dengan memenjarakan dan merampas kenderaan pelumba haram yang semakin berleluasa sehingga menggugat keselamatan orang awam.
25. PN-1133-L1856
Puan Mumtaz binti Md. Nawi minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah cara-cara untuk mendaftar harta intelek dan kos yang perlu dibelanjakan untuk mendaftarkan harta tersebut dan apakah bentuk-bentuk harta intelek yang didaftarkan dalam negara sehingga kini.
26. PN-1133-L1662
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan strategi dan perancangan Kementerian untuk menerapkan nilai-nilai volunteerism atau sukarelawan di kalangan belia melalui program kebajikan.
27. PN-1133-L1790
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan langkah pencegahan pengambilan gambar/foto secara sulit atau tanpa kebenaran di lokasi-lokasi yang dianggap sebagai bangunan keselamatan seperti di pejabat polis, penjara dan sebagainya.
28. PN-1133-L1411
Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah peluang pekerjaan dan peluang pemilikan perumahan yang akan wujud dalam Projek Pembangunan Johor Selatan bagi kaum India yang akan terjejas apabila ladang-ladang di situ diambil untuk projek ini.
29. PN-1133-L1482
Che Puan Sri Kelana D'raja(Dr) Datin Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapa jumlah persatuan sukan dan belia wanita didaftarkan dan berapa jumlah persatuan sukan dan belia wanita yang tidak aktif pada tahun 2004, 2005 dan sepanjang 10 bulan pertama tahun ini.
30. PN-1133-L1835
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bilangan organisasi belia telah berdaftar dan bilangan organisasi belia yang berdaftar juga dengan Kementerian , berapa buah pula yang tidak aktif dan tindakan Kementerian untuk merangsang belia supaya menyertai organisasi belia.

31. PN-1133-L1567
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan untuk menempatkan seorang pegawai kebajikan dari keturunan India di setiap daerah yang mempunyai bilangan penduduk India lebih daripada 10% bagi membantu golongan keturunan India terutamanya warga emas yang inginkan bantuan kebajikan. Ini adalah kerana ramai di antara mereka kurang fasih dalam bahasa Melayu.
32. PN-1133-L1739
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kenapakah garis panduan kelulusan pelan bangunan begitu ketat dan mengambil masa yang lama untuk diluluskan. Oleh itu, terdapat tindakan beberapa orang pemimpin politik di Selangor membina dulu bangunan, sebelum kelulusan pelan dikeluarkan. Tidakkah pihak PBT perlu mencari satu pendekatan yang mudah tanpa melalui pelbagai jabatan dan karenah birokrasi yang ketat.
33. PN-1133-L1992
Datuk Chew Yun Ming minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan ramai yang telah tertipu dengan sistem pesanan ringkas (SMS) yang telah dihantar oleh pihak-pihak tertentu sehingga melibatkan kerugian kewangan. Namun demikian, masalah ini masih lagi berlaku secara berleluasa tanpa kawalan. Apakah tindakan yang telah dilakukan oleh pihak Kerajaan dalam menangani masalah ini.
34. PN-1133-L1429
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) semenjak pelaksanaan RMK-9, adakah status ekuiti kaum India menunjukkan perubahan; dan
 - (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan bahawa ekuiti kaum India meningkat.
35. PN-1133-L1626
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kemajuan yang telah dicapai dalam usaha penyelarasan dan penyeragaman undang-undang keluarga Islam di seluruh negara termasuk pewartaan undang-undang Keluarga Islam untuk Wilayah Persekutuan.
36. PN-1133-L1964
Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang memberi keutamaan kepada bekas-bekas tentera yang berkelayakan untuk memenuhi perjawatan di Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) yang kini disandang oleh pegawai-pegawai atau anggota-anggota yang masih berkhidmat.

37. PN-1133-L1366
Tuan Ismail bin Kasim minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah hala tuju pendidikan tinggi negara akan terbantut memandangkan pembangunan institusi pengajian tinggi di negara lain semakin meningkat dan penawaran kursus yang lebih menarik minat pelajar-pelajar asing daripada Malaysia.
38. PN-1133-L1396
Tuan Gooi Hoe Hin minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah projek Lebuh Raya Pesisir Pantai akan mula dilaksanakan dan tindakan yang diambil untuk memulihkan projek ini yang lama telah tertangguh.
39. PN-1133-L1845
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bahawa pembangunan sahsiah dan jati diri adalah naluri yang lahir dari diri seseorang itu sendiri. Ia tidak boleh dipaksa atau diolah mengikut kemahuan sesuatu pihak. Adakah Kerajaan sedar dan bersedia dalam menyediakan generasi pelapis yang dapat berdiri megah di negara sendiri dan peringkat global.
40. PN-1133-L1589
Datuk Dr. Lee Chong Meng minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah rancangan-rancangan yang akan diimplementasikan di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) terutamanya untuk golongan sasaran iaitu keluarga miskin yang mempunyai pendapatan isi rumah di bawah pendapatan garis, dalam usaha Kerajaan untuk membasmi kemiskinan di kawasan bandar menjelang tahun 2010.
41. PN-1133-L1395
Tuan Gooi Hoe Hin minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jadual pelaksanaan projek jambatan kedua Pulau Pinang dan bilakah bermulanya projek ini.
42. PN-1133-L1922
Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan prestasi sukan di Malaysia sangat menurun termasuk bola sepak, hoki dan badminton. Apakah rancangan jangka pendek dan panjang agar prestasi sukan ini dapat mengharumkan nama negara Malaysia sebagaimana satu ketika dulu.
43. PN-1133-L1888
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian memantau dan mendaftarkan ejen-ejen yang menguruskan penempatan pelajar-pelajar swasta di luar negara. Berapakah bilangan ejen tersebut sehingga kini.

44. PN-1133-L1504
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah program-program di bawah Pelan Tindakan Belia Nasional (PTNB) dan bagaimanakah PTNB ini boleh dijadikan landasan untuk menggerakkan dan mencorakkan sukan sebagai suatu agenda nasional sesuai dengan cabaran semasa agar berperanan penting dalam pembangunan sahsiah belia.
45. PN-1133-L1810
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah faktor-faktor yang menyebabkan serta mendorong penolakan ibu bapa, PIBG, NGO dan pertubuhan-pertubuhan lain dalam penggunaan Bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Matematik dan Sains selepas tiga tahun dijalankan serta berapa peratuskah penguasaan Bahasa Inggeris anak-anak Melayu di luar bandar sehingga kini.
46. PN-1133-L1344
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan langkah-langkah yang telah dirancang bagi membantu meringankan beban kenaikan harga barangan terutama sekali harga ubat bagi golongan warga tua/pesara yang hanya hidup bergantung pada pencen bulanan yang sangat kecil.
47. PN-1133-L1830
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bahawa kes graduan menganggur sudah lama hangat diperdebatkan. Malah langkah-langkah drastik telah dilaksanakan oleh Kerajaan. Namun, statistik menunjukkan kadar pengangguran ini masih dalam tahap yang serius. Siapakah yang harus dipersalahkan dalam hal ini.
48. PN-1133-L1361
Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan statistik terkini penagih dadah yang telah dibebaskan dari pusat-pusat pemulihan dadah di seluruh negara dan adakah Kementerian bercadang untuk bekerjasama dengan Agensi Dadah Kebangsaan untuk merangka suatu program susulan ke atas penagih-penagih dadah yang telah pulih selepas penggunaan terapi methadone dan subutex.
49. PN-1133-L1557
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mengenai kemudahan 'Bilik Komputer' di sekolah-sekolah Tamil di seluruh negara. Adakah Kementerian mempunyai cadangan untuk menyediakan kemudahan 'Bilik Komputer' di semua sekolah Tamil.

50. PN-1133-L1439
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa ramai graduan yang telah menduduki dan lulus peperiksaan khas memasuki perjawatan PTD mengikut kaum.
51. PN-1133-L1721
Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada wajar melantik pegawai tinggi menjawat jawatan utama atau jawatan tertinggi sektor awam apabila menghampiri usia persaraan dan bukannya lebih baik pelantikan dibuat berdasarkan merit.
52. PN-1133-L1418
Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tidakkah Kementerian bercadang untuk menggunakan khidmat helikopter untuk mengalih kereta apabila berlakunya kemalangan di jalan raya seperti di MRR2 atau Lebuhraya Persekutuan bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas yang amat teruk.
53. PN-1133-L1954
Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berapa banyak kem-kem tentera yang telah usang dan perlu diberi keutamaan untuk di baik pulih serta membina rumah-rumah keluarga ATM yang mencukupi dalam projek pembangunan Rancangan Malaysia Ke-9.
54. PN-1133-L1642
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk membina lebih banyak marina awam memandangkan industri kapal layar semakin berkembang pada masa sekarang.
55. PN-1133-L1873
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan sebenar agama Datuk Azhar Mansor yang diberitakan telah keluar dari agama Islam kerana beliau tidak memberi jawapan yang jelas dalam sidang akhbar baru-baru ini yang menimbulkan pelbagai spekulasi.
56. PN-1133-L1531
Dato' Haji Idris bin Haji Buang minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan sama ada pihak Kerajaan khususnya di peringkat penguatkuasaan oleh polis, JPJ, PBT dan lain-lain agensi mempunyai taraf kerjasama yang 'synergistic' di dalam usaha ke arah mengurangkan kemalangan atau kemalangan maut di jalan raya oleh agensi-agensinya.

57. PN-1133-L1928
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah BPR diminta untuk menyiasat berkaitan dengan saman balas sebanyak RM13.46 bilion oleh Tan Sri Tajuddin Ramli terhadap Kerajaan dalam pembelian saham MAS. Apakah saman itu memberi kesan buruk terhadap imej Kerajaan kerana kes tersebut dikaitkan dengan amalan salah guna kuasa.
58. PN-1133-L1643
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh manakah peranan Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah itu berkesan sejak penubuhannya.
59. PN-1133-L1618
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan untuk mengarahkan setiap stesen-stesen penyiaran televisyen menyediakan sari kata bagi setiap rancangan-rancangan televisyen yang ditayangkan bagi memberi kemudahan khususnya kepada golongan-golongan kurang upaya cacat pendengaran. Dengan adanya sari kata, mesej yang hendak disampaikan akan dapat diterima dengan jelas.
60. PN-1133-L2001
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada di antara faktor dan penyebab utama pengangguran dikalangan para graduan ialah kerana adanya "mismatching" di antara disiplin atau mata pelajaran yang diambil dan kehendak pasaran pekerjaan. Adakah Kementerian akan mengambil tindakan serta memperkenalkan strategi untuk menyesuaikan pendekatan pembelajaran dan pengambilan jumlah penuntut mengikut perkembangan dalam permintaan pasaran pekerjaan.
61. PN-1133-L2015
Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan dalam mewujudkan pusat pertumbuhan baru atau bandar baru, peluang untuk bumiputera membeli harta seperti kedai dan kilang terbuka luas, masalahnya setelah berniaga lebih kurang lima (5) tahun nilai harta tersebut melambung tinggi, atau perniagaan tidak menjadi, harta tersebut akan dijual. Adakah UDA 2 akan diberi peluang untuk membeli harta-harta tersebut agar jangan terlepas kepada orang lain.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|----|---------------|---|-------------------------------|
| 1. | (D.R.46/2006) | Rang Undang-undang Arkitek (Pindaan) 2006; | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 2. | (D.R.45/2006) | Rang Undang-undang Pendaftaran Jurutera (Pindaan) 2006; | “ |
| 3. | (D.R.49/2006) | Rang Undang-undang Hak Milik Strata (Pindaan) 2006; | “ |
| 4. | (D.R.51/2006) | Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar 2006; | “ |
| 5. | (D.R.35/2006) | Rang Undang-undang Kumpulan Wang Persaraan 2006; | “ |
| 6. | (D.R.48/2006) | Rang Undang-undang Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan) 2006 | “ |
| 7. | (D.R.50/2006) | Rang Undang-undang Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2006 | “ |
8. PN-1133-U1419
Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin akan mencadangkan:-
- "Berdasarkan kepada prinsip rukun negara, maka saya dengan ini ingin mengusulkan supaya setiap kali dewan bersidang sebaik sahaja selesai doa dibacakan, lagu Negaraku dimainkan dan dinyanyikan bersama-sama kerana ianya sesuai dengan slogan kepimpinan melalui teladan. Usul ini juga (dengan izin) Yang Dipertua Dewan Negara dapat dipanjangkan kepada Dewan Rakyat."
9. PN-1133-U1942
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini menyedari masalah kenaikan harga barang seperti minyak, gula, ayam, telur dan lain-lain telah menjadi isu yang menimbulkan keresahan di kalangan pengguna khususnya rakyat berpendapatan rendah. Masalah terus berlaku khususnya di musim-musim perayaan, ditambah dengan sikap para peniaga yang tidak bertanggungjawab kerana mengambil kesempatan terhadap kelemahan penguatkuasaan undang-undang yang sedia ada. Maka dengan ini Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan supaya diwujudkan segera 'Tribunal Harga' yang berfungsi untuk mengawal, menyelia dan memutuskan perkara-perkara yang berkaitan dengan kenaikan harga barangan. Ini bertujuan kepentingan pengguna terpelihara dan gejala ini tidak berulang saban tahun."

10. PN-1133-U1943

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyedari wujud persepsi negatif terhadap imej polis yang dikaitkan dengan beberapa insiden seperti salah guna kuasa dan penglibatan segelintir anggotanya dalam beberapa kes jenayah. Walau bagaimanapun tidak ada pihak yang boleh menafikan kejayaan dan kecekapan PDRM dalam membanteras jenayah apatah lagi mengawal keselamatan negara, seperti menghapuskan ancaman PKM dan kumpulan ajaran sesat. Maka Dewan ini menyokong pendirian PDRM yang menolak penubuhan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC). Ini kerana akta-akta yang sedia ada seperti akta polis dan sebagainya sudah memadai digunakan untuk meningkatkan disiplin dan imej polis."

11. PN-1133-U1944

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan mewujudkan satu Suruhanjaya untuk mengkaji keberkesanan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris. Kajian Suruhanjaya Khas ini hendaklah tertumpu kepada aspek apakah penguasaan Bahasa Inggeris para pelajar meningkat dengan sistem tersebut. Dan apakah kesannya pula kepada prestasi para pelajar dalam mata pelajaran Sains dan Matematik. Dengan adanya Suruhanjaya ini, maka kita tidak perlu menunggu tahun 2008 untuk melihat keberkesanannya. Kerana dikhuatiri jika terlalu lambat mengambil tindakan, maka kesannya adalah lebih parah lagi."

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

<u>TAHUN 2006</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.219	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Aset Kereta Api (PAK) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	21 Disember 2006
ST.229	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Yayasan Laporan Kewangan dan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	21 Disember 2006
ST.233	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	21 Disember 2006
ST.236	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	21 Disember 2006